

'BUKU JALANAN' PUPUK MINAT MEMBACA KALANGAN MASYARAKAT

01 September 2016 12:07 AM

Utusan Malaysia



Akhimullah Mustapha (kanan) melayan pengunjung yang singgah untuk membaca buku yang disediakannya di Taman Tasik Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.

GUA MUSANG 31 Ogos – Tiga penuntut universiti yang berasal dari jajahan ini mengambil inisiatif menggerakkan program ‘Buku Jalanan’ di Taman Tasik Gua Musang, di sini sejak sebulan lalu bagi memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat setempat.

Mereka ialah Akhimullah Mustapha, 25, yang menuntut di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Mohamad Firdaus Mohamad, 24, dari Universiti Selangor (Unisel) dan Aqilah Asri, 24, dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Menurut Akhimullah, buku tersebut yang boleh dibaca secara percuma adalah koleksinya sendiri yang dibeli dengan menggunakan Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) serta buku sumbangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan cawangan Gua Musang.

Katanya, idea untuk menggerakkan program Buku Jalanan tersebut diambil daripada program sama yang diadakan di kampusnya di Unimas.

“Setiap petang pada hujung minggu saya bersama dua lagi rakan akan membawa lebih 100 naskhah buku untuk dipamerkan kepada pengunjung dalam tempoh dua jam. Kami berharap masyarakat akan menyokong aktiviti ini.

“Selepas ini kami berhasrat membuat acara sampingan seperti aktiviti baca puisi, perbincangan dan persembahan akustik sambil membaca buku di kawasan ini,” katanya.

Sementara itu, seorang guru, Abdul Razak Othman, 52, berkata, dia sangat kagum dengan kesungguhan ditunjukkan oleh tiga anak muda itu dalam memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat.

“Anak muda ini telah mengadakan satu aktiviti yang kecil tetapi bermakna untuk mengangkat nilai intelektual khususnya penduduk Gua Musang yang dikatakan tinggal di kawasan hulu.

“Buku yang disediakan juga pelbagai genre termasuklah buku kanak-kanak, majalah orang dewasa, novel, dan buku ilmiah. Sesiapa saja yang lalu lalang di sini sambil beriadah boleh membaca buku yang disediakan,” katanya.

Seorang pelajar sebuah kolej, Nurul Nadia Zulkifli, 20, pula berkata, aktiviti tersebut sangat bermanfaat kepada golongan remaja yang beriadah di kawasan tersebut untuk menambah ilmu pengetahuan mereka.

“Diharap mereka akan terus menganjurkan aktiviti ini pada masa depan,” katanya.